



قائمتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 16

RABU 22 APRIL, 1987.

رابعو 22 شعبان 1407

PERCUMA

Urut kampung

Ibu-ibu
perlu
ambil
perhatian

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kementerian Kesihatan mengingatkan orang ramai khususnya ibu-ibu supaya mengambil perhatian berat tentang masalah-masalah yang timbul hasil dari urut kampung.

Perkara itu ditimbulkan oleh Kementerian berkenaan berikutan berlakunya bilangan kelahiran sebelum cukup bulan yang meningkat beberapa bulan di negara ini. Pihak Kementerian Kesihatan mendapati kebanyakan daripada ibu-ibu berkenaan mempunyai latar belakang yang mereka telah menjalani urut kampung semasa mengandung.

Selain daripada itu, menurut kenyataan tersebut, beberapa kes seperti keguguran, kematian dalam perut, susah melahirkan kerana tali pusat menjerat leher dan lain-lain adalah disebabkan oleh kesulitan berikutan dengan urut kampung.

"Anak-anak yang dilahirkan sebelum cukup bulan akan berkesudahan dengan kematian atau jika sekiranya anak itu hidup

Lihat muka 24

PETIKAN TITAH

“Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab utama setiap rakyat dan penduduk negara ini supaya sentiasa berwaspada dan berjaga-jaga supaya keamanan dan kesetiaan negara kita ini tidak tergugat oleh anasir-anasir yang jahat, stasah-stasah palsu dan politik-politik keduniaan.”

Dititahkan semasa Istiadat Mengadap di Dewan Kemasyarakatan Daerah Belait Sempena Hari Keputeraan Baginda ke-36 tahun pada 22 Ogos, 1982.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menerima mengadap Timbalan Pertama Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Republik Singapura Tuan Yang Terutama Tuan Goh Chok Tong di Istana Nurul Iman. — Gambar oleh Harun Rashid.

Timbalan Pertama PM Singapura mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima

Oleh Ahat Hj. Ismail

mengadap Timbalan Pertama Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Goh Chok Tong di Istana Nurul Iman di sini Isnin lepas.

Di istiadat mengadap itu Tuan Yang Terutama disertai oleh Menteri Alam Sekitar Dr. Ahmad Mattar, Menteri Negara bagi Pembangunan Negara dan Hal Ehwal Dalam Negeri, Dr. Lee Boon Yang, dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke negara ini Tuan Yang Terutama Tuan Edward Lee.

Juga hadir di istiadat itu termasuklah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

MANISNYA IMAN

“DAN di antara orang-orang yang Kami jadikan itu terdapat umat yang memimpin dengan yang hak dan dengan sedemikian itu mereka berlaku adil.” — Makna ayat 81 Surah Al-A'raf.

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji

Lihat muka 24

KERAJAAN CADANG TUBUH BANK KEMAJUAN

Oleh Zubaidah HS

BERAKAS. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercadang untuk menubuhkan Bank Kemajuan, dengan hasrat untuk membantu peniaga-peniaga tempatan.

Perkara ini menurut Yang Berhormat Menteri Pembangunan, sedang diteliti bagi mendapatkan kewangan yang lebih berkesan.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Ismail bin Pg. Haji Damit, Menteri Pembangunan berkata demikian ketika merasmikan Mesyuarat Agung kali yang ke-23, Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei, yang telah berlangsung di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini pada 19 April lepas.

Menurut Yang Berhormat, usaha-usaha kini juga sedang ditumpukan pada meneliti untuk mengadakan skim pencen bagi sektor-sektor persendirian. Hal ini perlu jelasnya, bagi memastikan jaminan kepada pekerja-pekerja sektor tersebut.

Walau bagaimanapun hasrat ini tidak akan dapat dicapai, tanpa adanya komitmen dan penglibatan penuh dari sektor-sektor persendirian itu sendiri, tegas Yang Berhormat.

Dari itu, Yang Berhormat berharap agar sektor-sektor persendirian di negara ini bertindak selaku ejen bagi kemajuan industri di samping galakan sepenuhnya dari pihak kerajaan.

“Sebagai peniaga-peniaga persendirian, sudah sepatutnya berusaha bagi membela perniagaan di samping berusaha menyediakan diri supaya sentiasa mempunyai kebolehan dan kewibawaan dalam mengawal perjalanan perniagaan,” jelas Yang Berhormat.

Tegasnya, peniaga-peniaga tempatan tidak sepatutnya menyerahkan tanggungjawab perniagaan bulat-bulat kepada orang asing, sebagaimana yang telah berlaku kepada sebilangan peniaga kita pada masa ini.

Mereka mestilah mengetahui akan semua perkembangan perniagaan setiap masa baik dari segi operasi, organisasi dan kawalan kewangan.

Lihat muka 24

Gejala Dadah Adalah Perosak Masyarakat



Pelita Brunei

KABAR RASMI KERAJAAN

22 APRIL, 1987

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

MEMBASMI PENYALAHGUNAAN DADAH

PENYALAHGUNAAN dadah adalah suatu masalah rumit yang dihadapi oleh kebanyakan negara-negara maju dan sedang membangun tidak terkecuali negara kita. Bertambahnya bilangan penagih-penagih dadah telah memberi laluan kepada pembuatan dan pengedaran dadah secara haram langsung tidak bertanggungjawab terhadap keselamatan mangsanya. Apapun alasan-alasan yang diberi oleh pembuat, pengedar dan penagih dadah, kita tetap menganggap penyalahgunaan dadah sebagai perbuatan terlarang serta terkutuk. Penagih-penagih dadah adalah mangsa kepada orang-orang tidak bertanggungjawab yang telah menggunakan dadah sebagai komoditi untuk diedar dan dijual secara haram bagi meraih keuntungan.

Pembuatan, pengedaran dan penagihan dadah dalam apa bentuk dan kegiatan pun tetap suatu perbuatan jenayah yang tidak dapat dimaafkan bahkan suatu pengkhianatan kepada usaha-usaha membangun negara yang produktif dan harmoni. Kesan penyalahgunaan dadah itu cukup ketara. Penyalahgunaan dadah merosakkan kehidupan individu, kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat di samping meruntuhkan kewibawaan suatu bangsa jika penyalahgunaan dadah itu sukar dikawal atau dibasmi. Ketahanan suatu bangsa akan pupus dan musnah jika para belianya terjerumus dalam gejala penyalahgunaan dadah, suatu taktik lembut tapi berkesan yang menurut sejarah dunia pernah digunakan oleh pihak musuh yang inginkan suatu bangsa itu porak-peranda dan berpecah-belah.

Dalam hubungan inilah, beberapa buah negara di dunia ini telah bertungkus lumus dalam usaha-usaha membentasi penyalahgunaan dadah. Negara Pakistan baru-baru ini telah dapat membongkar di samping memusnahkan beratus-ratus tan jenis ganja yang cuba hendak diedar serta dijual, suatu penemuan yang sedikit-tidaknya menjejaskan rangkaian rahsia secara haram pengedar-pengedar dadah. Macam manapun kebijaksanaan pengedar-pengedar dadah untuk menjual dan mengedar dadah, ia dapat ditumpaskan hasil dari kerjasama serta maklumat orang ramai yang jua mengangap gejala dadah ini adalah masalah bersama yang wajar dibentasi secara habis-habisan.

Negara Thailand dan Burma tidak kendur-kendurnya memusnahkan ratusan hektar ladang-ladang popi atau ganja di banjaran 'tiga segi emas' dalam usaha mereka untuk memberhentikan kegiatan-kegiatan sumbang ini di samping memberi pengajaran kepada mereka yang tidak bertanggungjawab itu. Kemudian, keberkesanan undang-undang yang ketat seperti hukuman mati secara mandatori yang telah dilakukan oleh Negara Malaysia dan Singapura kepada pengedar-pengedar baik bangsa asing mahupun bangsa sendiri mencerminkan usaha-usaha gigih negara-negara berkenaan dalam memerangi penyalahgunaan dadah ini kerana ia adalah musuh utama negara.

Dalam usaha membentasi dan memerangi penyalahgunaan dadah ini, negara kita sentiasa mengambil perhatian berat termasuklah mengenakan tindakan undang-undang yang ketat seperti hukuman mati secara mandatori terhadap orang-orang yang sabit kesalahannya dalam perkara ini. Dalam pada itu adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memberikan kerjasama yang penuh kepada semua pihak untuk memata-matai sebarang pergerakan atau kegiatan yang berunsurkan penyalahgunaan dadah. Langkah-langkah positif haruslah diambil bagi mengelakkan kegiatan sumbang itu berlanjutan. Orang ramai harus menyedari bahawa segenap lapisan masyarakat itu boleh menjadi mangsa penyalahgunaan dadah jika kita lalai, tidak berwaspada dan tidak menentangnya.

Peningkatan kesedaran tentang bahaya-bahaya penyalahgunaan dadah itu haruslah sentiasa ditekankan kepada golongan belia, para pelajar serta orang ramai kerana dengan bertambahnya pengetahuan kita mengenai dengan bahaya-bahaya itu akan menimbulkan kesan yang positif untuk kita semua lebih berwaspada terhadap anasir-anasir jahat yang cuba melumpuhkan masyarakat kita dan meruntuhkan kesejahteraan dan keamanan negara kita yang penuh kebajikan ini.

Meskipun, dari segi perbandingan dengan negara-negara jiran, kita ketika ini tidak menghadapi penyalahgunaan dadah yang serius namun itu tidaklah melemahkan kita untuk terus memerangi dan membentasi. Keterlibatan golongan belia di negara kita ini dalam penyalahgunaan dadah meski pun agak sedikit tetapi cukup memaksa untuk kita berfikir lebih matang kerana dalam sebuah negara yang kekurangan tenaga manusia yang berkualiti, pengagihan masa dan tenaga para belia kepada hal-hal yang berkebalikan serta positif perlu diperhitungkan. Sebarang pembaziran tenaga manusia disebabkan oleh hilang akal, tata susila dan semangat untuk menyumbangkan suatu yang berfaedah kepada bangsa dan negara kesan dari penyalahgunaan dadah akan menyebabkan kemunduran, keruntuhan ketahanan bangsa, negara dan ugama.

Bagi kepentingan generasi akan datang

Bismillah Hir Rahman Nir
Rahim,
Assamualaikum
Warahmatullahi wabarakatuh.

SEGALA puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam ke atas junjungan besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kerabat-kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda.

Alhamdulillah, kita semua bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat berkumpul bersamasama pada pagi ini dalam majlis yang berkeabajkan khusus untuk melancarkan Kempen Anti-Dadah Peringkat Kebangsaan 1987.

Kita sama-sama maklum bahawa penyalahgunaan dadah adalah merupakan satu penyakit yang sangat-sangat merbahaya yang mempunyai pengaruh yang kuat dan mudah merebak lebih-lebih lagi di kalangan anak-anak muda. Dadah yang asalnya digunakan oleh pakar-pakar perubatan untuk mengubati penyakit-penyakit apabila disalahgunakan secara berterusan akan membuat seseorang itu ketagih. Penagih-penagih dadah adalah merupakan orang-orang yang tidak lagi dapat sepenuhnya menguasai diri mereka. Mereka tidak dapat menahan diri dari seterusnya memakan dadah kerana badan mereka adalah sentiasa dipengaruhi dadah untuk berfungsi. Dalam konteks ini penagih-penagih dadah terisih dari norma-norma kehidupan biasa. Penagihan membuat seseorang itu khayal, hilang akal dan lalai dari tanggungjawab kehidupan masing-masing. Mereka juga sudah tergamak untuk membuat perkara-perkara yang boleh mengancam keselamatan diri sendiri dan orang lain. Dadah nyata boleh membawa maut akibat pengambilan yang berterusan dan berlebihan.

Satu jenis penyakit yang sangat-sangat merbahaya dan mengerikan yang setakat ini belum ada penemuan ubatnya ialah penyakit 'AIDS'. Penagih-penagih dadah adalah di antara kumpulan-kumpulan yang mempunyai risiko yang tinggi untuk mudah mendapat penyakit ini iaitu melalui pencemaran alat-alat suntikan yang dipakai oleh penagih-penagih dadah untuk menyuntik dadah ke dalam badan mereka.

Kita sama-sama maklum pula bahawa penyalahgunaan dadah, tidaklah berlaku dan merebak dengan sendirinya. Kebanyakan dari penagih-penagih dadah adalah mangsa kepada perbuatan orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang menggunakan dadah sebagai komoditi untuk diedarkan dan dijual secara haram dengan keuntungan yang lumayan. Memandangkan kesan-kesan penyalahgunaan dadah jangka panjang yang bukan saja boleh merosakkan kehidupan individu tetapi kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat, pengedaran dadah secara haram adalah merupakan satu perbuatan jenayah dan pengkhianatan

T-JAWAB MASYARAKAT MEMBENTERA DADAH

kepada usaha-usaha untuk membangun sesebuah negara yang produktif dan harmonis. Oleh yang demikian, tidak hairanlah bagi negara-negara di dunia ini seharusnya dengan gigih berusaha untuk menyelamatkan negara masing-masing dari ancaman dadah ini dengan mengambil berat akan perkara ini dengan langkah-langkah yang tegas termasuklah tindakan undang-undang yang ketat terhadap orang-orang yang sabit kesalahannya dalam perkara ini.

Sungguhpun, dari segi perbandingan, Negara Brunei Darussalam ketika ini tidak menghadapi masalah masalah penyalahgunaan dadah yang serius seperti beberapa negara lain di rantau ini, namun Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, tidak kendur-kendur berusaha supaya bahaya yang amat mengerikan ini tidak merebak di negara kita ini. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri sangat-sangat mengambil berat terhadap perkara penyalahgunaan dadah.

Baginda sering bertitah mengingatkan rakyat dan penduduk di negara ini mengenai bahaya penyalahgunaan dadah terhadap kesejahteraan rakyat dan penduduk dan keselamatan negara.

Sebagai usaha berjajaga, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang positif termasuklah menjalankan ujian routine anti-dadah terutamanya bagi penuntut-penuntut di sekolah-sekolah yang mana akan dilaratkan kepada penuntut-penuntut yang akan belajar keluar negeri atas biasiswa Kerajaan.

Kempen Kebangsaan Anti-Dadah 1987 yang akan kita lancarkan pada hari ini adalah suatu usaha untuk menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan iaitu untuk memberikan kesedaran kepada segenap lapisan masyarakat untuk sama-sama memikul tanggungjawab dalam usaha kita beramai-ramai membentasi penyalahgunaan dadah.

Adalah amat penting bagi segenap lapisan masyarakat kita di Brunei ini untuk sama-sama menyertai kempen ini bukan saja bagi kepentingan

UCAPAN penuh Yang Berhormat Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Awang Abd. Rahman, Menteri Kanan, ketika berucap merasmikan Pelancaran Kempen Kebangsaan Anti-Dadah Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada April, 1987.

generasi yang ada pada masa ini tetapi juga bagi keturunan kita yang akan datang. Dadah adalah penyakit masyarakat. Orang ramai amat penting menyedari bahawa segenap lapisan masyarakat itu boleh menjadi mangsa penyalahgunaan dadah jika kita tidak berwaspada dan menentangnya. Objektif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengadakan kempen ini ialah semata-mata untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai terhadap bahaya penyalahgunaan dadah. Sama ada kempen ini berjaya atau sebaliknya bergantung kepada penglibatan kita bersama. Oleh itu untuk tidak menia-siakan usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, marilah kita sama-sama melibatkan diri dengan penuh minat dan kesedaran dalam usaha membentasi dan memerangi penyalahgunaan dadah ini. Jabatan-Jabatan Kerajaan yang berkenaan akan terus mengambil langkah-langkah yang tertentu dalam perkara ini yang mana orang ramai patutlah menyertai dan menghargainya.

Adalah diharapkan nanti melalui pameran dan seminar Anti-Dadah yang akan diberikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan juga penuntut-penuntut sekolah yang dikendalikan oleh Unit Anti-Dadah ini akan dapat mendedahkan lagi rakyat dan penduduk negara ini kepada kenyataan yang mengerikan mengenai dengan bahaya penyalahgunaan dadah. Dengan bertambahnya pengetahuan kita nanti mengenai dengan bahaya ini, adalah diharapkan kita akan lebih sedar dan berwaspada terhadap anasir-anasir jahat yang boleh melumpuhkan masyarakat kita dan meruntuhkan kesejahteraan dan keamanan negara yang kita cintai ini.

Kempen Kebangsaan Anti-Dadah 1987 ini, adalah juga

diadakan dengan mengingati akan usaha pertubuhan ASEAN dalam menggalakan negara ahli untuk menggalakan langkah-langkah yang bersama-sama untuk penyalahgunaan dadah. Memandangkan yang perhubungan adalah mudah dan berkesan hairanlah kegiatan penyalahgunaan dadah boleh merebak mudah dari satu negara satu negara yang. Memandangkan ini serupa ini, bertepatanlah dengan talian rapat di antara negara ASEAN dalam sama-sama berusaha untuk membentasi penyalahgunaan dadah. Dengan semangat libatan bersama ini setentunya akan bahkan lagi kesedaran usaha pembasmi dadah rantau ini.

Sebelum mengucap saya ini, saya ingin memberikan tinggi penghargaan Jawatankuasa Penajaan Dadah Negara Darussalam serta pihak yang terlibat kerana menjayakan Kempen Kebangsaan Anti-Dadah 1987. Mana usaha ini adalah ertinya bukan saja Negara Brunei Darussalam tetapi sebagai sumbang kepada usaha serantau membasmi penyalahgunaan dadah. Saya percaya akan banyak manfaat faat dari kempen ini semogalah semangat ini akan dapat kita secara berterusan menambahkan kesedaran terhadap bahaya penyalahgunaan dadah itu.

Dengan membaca kalimat Bismillah hirrahman, dan dengan tawakal semoga kita dikurniakan kejayaan kemenangan dalam kita yang berkebalikan saya dengan anda merasmikan KEMPEN KEBANGSAAN DADAH 1987 ini.

Kejohanan Menembak Antarabangsa

Gambar-gambar oleh
Pg. Haji Yaakub.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menyertai perlakuan khas menembak dengan menggunakan pistol. Dalam perlakuan tersebut Baginda telah muncul sebagai juara (kanan).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memerhati secara dekat sasaran-sasaran tembakan yang Baginda lakukan (bawah).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diperkenalkan kepada Ketua-Ketua Pasukan yang menyertai perlakuan menembak BISAM (kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengurniakan hadiah kepada pasukan Australia yang turut menyertai kejohanan itu (atas).

KELIHATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Ketua Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad seurus selepas majlis penyampaian hadiah-hadiah (bawah).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat ke Padang Tembak Binturan bagi menyaksikan Kejohanan Menembak Antarabangsa dengan menaiki sebuah Land Rover.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-377

BERKATA Al-Imam Al-Azra'ei: Mendengar nyanyian daripada perempuan dengan rentak suara dan suara yang merdu dan rentak lagu yang disusun serta takhannuth dan taghannuj (kelakuan perempuan dengan lintang-lintuk dan manja dan keletah sebagaimana yang dilakukan oleh artis-artis dan penyanyi-penyanyi itu adalah haram kerana perkara-perkara yang semacam itu membawa keadaan fasik, begitu juga mendengar nyanyian daripada budak muda adalah haram kiranya mendatangkan fitnah, sebagaimana juga mendengar nyanyian daripada perempuan adalah haram kiranya mendatangkan fitnah.

Berkata Al-Imam Ibnu Hajar: Saya telah melihat perkataan Al-Imam Ar-Raafi'ei yang telah menegaskan bagaimana kata Al-Imam Al-Azra'ei itu dan Al-Imam Al-Azra'ei telah mena-
kalkan seperti kata-kata di atas daripada Al-Imam Al-Qurtubi.

Berkata Al-Imam Al-Qurtubi: Cara berdalil padanya iaitu nyanyian yang berlagu merdu itu, bukanlah ia ada dari adat Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dan tiadalah dibuat begitu di hadapan Rasulullah dan tiadalah Baginda mengambil tukang-tukang nyanyi atau artis-artis dan tiadalah Baginda memelihara tukang-tukang nyanyi atau artis. Maka dari itu bukanlah nyanyian merdu itu dari suatu perjalanan hidup Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan bukan dari satu perjalanan dan kelakuan khalifah-khalifah Baginda selepas zaman Baginda dan bukan dari perjalanan dan kelakuan hidup sahabat-sahabat Rasulullah dan bukan perjalanan dan kelakuan keluarga Rasulullah. Maka dari itu tiadalah dapat dan tiadalah boleh disandarkan sesuatu jenis nyanyian itu kepada Baginda Rasulullah dan bukan dari syariat Baginda Rasulullah. Kiranya bukan dari sirah Rasulullah dan bukan dari syariat Rasulullah maka nyanyian yang berlaku itu suatu perkara baharu yang diada-adakan oleh orang yang termasuk di bawah erti kata bid'ah dan dhalalah dan sesat. Dan telah datang suatu hadis yang sah dan betul daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang ertinya: "Tiap-tiap hiburan yang dibuat hiburan oleh seseorang itu, maka dia adalah batil dan salah, melainkan ia bermain dengan melontar anak panah, dan dia melatih kuduknya (kedua-duanya alat pertahanan negara), dan dia bergurau-gurau senda dengan ahli rumahnya." Dipetik dari Kaffur Ra'aa'.

NYANYIAN

Siapa dia penyanyi dan artis dan hukumannya pada syarak

Berkata Al-Imam Ibnu Hajar: Siapa orang yang menyanyi untuk dirinya atau untuk orang lain kiranya ia ambil upah atau terkenal ia dengan nyanyian tersebut sekira-kira dia dipanggil penyanyi, maka orang itu dinamakan penyanyi.

Hukum penyanyi itu adalah dia orang safiyyah tiada rashid yakni tiada sempurna akalunya, dan jika ia menjadi saksi pada perkara-perkara yang bersandarkan pada saksi (seperti saksi akad nikah mensabitkan cerai dan lain-lain seumpamanya), maka saksiannya itu ditolak dan tiada sah pada syarak.

Orang yang sentiasa mendengar nyanyian:

Orang yang sentiasa mendengar nyanyian maka orang itu orang fasik dan saksiannya ditolak dan tiada dipakai oleh syarak.

Orang yang sekali-sekala mendengar nyanyian:

Adapun orang yang sekali-sekala mendengar nyanyian sekalipun di hadapan ramai, maka tiadalah ia orang fasik dan saksiannya itu diterima oleh syarak.

Orang mencari hidup dengan menghimpunkan nyanyi-penyanyi perempuan dan penyanyi laki-laki:

Orang yang mencari kehidupan dengan menghimpunkan n dan penyanyi-penyanyi laki-laki

penyanyi-penyanyi perempuan dan mencari kehidupan dengan memanggil penyanyi-penyanyi perempuan dan penyanyi-penyanyi laki-laki dan mencari kehidupan dengan mengajar nyanyi kepada perempuan atau budak muda, maka orang yang mencari kehidupan dengan cara begitu sebagaimana di atas adalah dia orang fasik dan saksiannya ditolak oleh syarak.

Bahagian Keempat

YDM Pehin Datu Seri Maharaja Seri Utama Awang Haji Omar Abd. Aziz, Mufti Karimun

Adapun orang yang menyimpan penyanyi-penyanyi kerana tujuan mendengar nyanyian daripada mereka sekali-sekala tidak selalu dan tiada sentiasa dan tiada berterang-terang selagi ia tiada menyempurkan penyanyi-penyanyi laki dan penyanyi perempuan maka tiadalah ditolak saksiannya itu.

Dan jika ia campurkan kedua-duanya dan kedua-duanya menyanyi, maka perbuatan itu adalah safah dan ditolak saksi orang yang menghimpunkan dua jenis penyanyi itu dan perbuatan itu dayus (dosa besar) (sila lihat Manaqib Shafi'ei radhiallahu Anhu oleh Al-Imam Al-Baihaqi muka surat 210 juzuk kedua dan Al-Imam Ash-Shafi'ei juzuk 6 muka surat 210).

Jika orang itu masuk ke dalam rumah-rumah nyanyian (majlis nyanyian) dan di situ ada penyanyi-penyanyi laki-laki kerana ia hendak mendengar nyanyian, jika dia masuk di situ dengan bersembunyi tiada berterang-terang, maka tiadalah ditolak saksiannya oleh syarak, kerana dia masih ada maruah, begitu juga jika ia masuk dan hadis berterang-terang dan tiada pula selagi, maka tiadalah ditolak saksiannya oleh syarak. Dipetik dari kitabnya Kaffur Ra'aa'.

WALLAHUAKLAM
(Bersambung)

Empat peserta dipilih wakili Daerah Belait

SERIA. — Empat peserta terpilih mewakili Daerah Belait ke pertandingan peringkat separuh akhir Membaca Al-Quran dan Syarahan bagi murid-murid sekolah agama negara ini, yang akan diadakan tidak berapa lama lagi di Pekan Bangar, Temburong.

Suhaimi bin Julaihi dari Sekolah Agama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin (pagi) Kuala Belait dan Dayang Hammah bte Yahya dari sekolah yang sama bahagian petang, masing-masing menjuarai bahagian Quran lelaki dan perempuan akan bertanding dalam bahagian tersebut dalam pertandingan itu nanti.

Sementara itu bahagian syarahan lelaki akan diwakili oleh Jailani bin Abdullah dari Sekolah Agama Pengiran

Oleh Aisah Piee

Anak Puteri Rashidah Sa'adatol Bolkihah (petang) Pekan Seria, manakala Dayang Hamidah binti Bagol dari Sekolah Agama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin (petang) akan bertanding dalam bahagian syarahan perempuan.

Pertandingan tersebut di peringkat daerah telah berlangsung pada hari Ahad, 12 April lepas di Dewan Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatol Bolkihah di sini di mana seramai 12 orang peserta mengambil bahagian.

Naib johan Quran lelaki ialah Norazman bin Mohd. Daud dari Sekolah Agama PSBSOAS (petang) dan tempat ketiga ialah Ak. Mustafa bin Pengiran Metarsad dari Sekolah Agama PAPRSB (petang). Bahagian perempuan, naib johan ialah Rohani Haji Hassan dari Sekolah Agama PSBSOAS (pagi) manakala Suraya binti Taim dari Sekolah Agama PAPRSB (petang) menduduki tempat ketiga.

Mendapat tempat kedua syarahan lelaki ialah Badaruddin bin Bagol dari Sekolah Agama PSBSOAS (petang) dan ketiga ialah Ak. Masuramaimi bin Pg. Abd. Hamid dari Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatol Bolkihah (pagi). Bahagian perempuan, tempat kedua ialah Suzana binti Salim dari Sekolah Agama PSBSOAS (pagi) dan

Suriati binti Abd. Hamid dari Sekolah Agama PAPRSB (petang) menyandang tempat ketiga.

Hadiah kepada pemenang telah disampaikan oleh tetamu kehormat, Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Hashim, Pegawai Tanah Kanan Daerah Belait.

Beliau antara lain berkata, usaha mengadakan pertandingan seumpama itu adalah sebagai galakan kepada anak-anak untuk bergiat dalam bidang pembacaan Al-Quran, di mana di dalamnya terkandung ajaran-ajaran yang tinggi nilainya.



TETAMU kehormat, Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Hashim, Pegawai Tanah Kanan Daerah Belait, (dua dari kiri) beserta dengan para jemputan yang menghadiri pertandingan hari itu. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 22 April, 1987 hingga ke hari Selasa 28 April, 1987 adalah seperti di bawah ini: —

HARI	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
April												
22	12.21	3.32	3.33	6.26	6.27	7.37	7.38	5.00	4.47	5.01	6.11	6.12
23	12.21	3.32	3.33	6.26	6.27	7.37	7.38	4.59	4.46	5.00	6.10	6.11
24	12.21	3.33	3.34	6.26	6.27	7.37	7.38	4.59	4.46	5.00	6.10	6.11
25	12.21	3.33	3.34	6.26	6.27	7.37	7.38	4.59	4.46	5.00	6.10	6.11
26	12.20	3.33	3.34	6.26	6.27	7.37	7.38	4.58	4.45	4.59	6.09	6.10
27	12.20	3.33	3.34	6.26	6.27	7.37	7.38	4.58	4.45	4.59	6.09	6.10
28	12.20	3.34	3.35	6.26	6.27	7.37	7.38	4.57	4.44	4.58	6.09	6.10

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.



JOHAN Quran lelaki, Awang Suhaimi bin Julaihi ketika memperdengarkan bacaannya. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Keolahan tidak menentu jadi bebanan masyarakat

PENGALAMAN menunjukkan bahawa setiap tragedi yang menimpa diri adalah akibat dari olah tangan sendiri. Ini memangnya tidak dapat kita angkakan lagi kerana tiap apa yang kita lakukan akan kita terima akibatnya sebagaimana yang kita lakukan. Ini terpujalah kepada diri sendiri; kalau kita membuat sesuatu yang baik akan kita terima hasil yang baik. Begitu juga sebaliknya, kalau kita membuat sesuatu yang tidak baik dan bertentangan pula dengan ajaran-ajaran agama Islam, tentulah diri sendiri jua yang akan menerima akibat-akibat yang tidak baik.

Dalam hal ini, cuba kita bayangkan apa reaksi masyarakat jika kita senantiasa membuat perkara-perkara yang berkebalikan? Tentulah serba sedikit akan meninggalkan sesuatu yang manis. Tapi apa pula halnya kalau kita sentiasa membuat olah yang tidak tentu, yang bertentangan dengan prinsip-prinsip keislaman dan prinsip kemanusiaan? Tentulah akan meninggalkan sesuatu yang tidak baik. Di samping menjadi beban pada diri sendiri, ia juga akan menjadi bebanan masyarakat.

Memperhatikan tentang membuat sesuatu yang tidak baik ini pepatah ada mengatakan, 'siapa yang makan lada, dialah yang terasa pedasnya'. Hal ini memangnya benar, dengan sebab kita melibatkan diri pada sesuatu perkara itu, makanya kita mesti menanggung apa-apa yang telah kita buat itu. Mengambil hak orang lain misalnya, kalau dalam masa kita melakukan perkara ini kita kedapatan, tentulah kita akan menerima hukuman setimpal dengan apa yang telah kita lakukan itu.

Dengan ini terangnya sudah kepada kita setiap akibat itu adalah hasil daripada olah tangan sendiri. Yang anehnya, walaupun sudah diketahui yang sesuatu akibat, hasil daripada olah tangan sendiri itu akan diterima, namun masih jua ada yang ingin melakukan sesuatu yang tidak baik. Ia seolah-olah tidak mengindahkan langsung akan akibat buruk yang menimpanya nanti. Tapi walau macam manapun 'gagah'nya hati seseorang yang enggan menerima hakikat tadi, akhirnya tentulah akan menyesal. Dan tentunya senal itu tidak bererti lagi kerana ia datang pada saat-saat yang akhir.

Jua tidak dinafikan setiap yang menerima akibat yang buruk, hasil daripada olah tangan sendiri, akan cuba sedaya upaya untuk me-

Menuju Keredaan Allah

larikan diri daripadanya, walaupun ia tahu ia mesti menerima akibat tersebut. Pencuri misalnya, ia akan berusaha untuk lari dari diburu dan ditangkap oleh pihak yang berwajar. Pada anggapan ia akan beruntung jika ia terlepas dari menerima 'ganjaran habuan' yang sepatutnya dirasainya, tapi selalunya 'jerat tidak lupa pada pelanduk' malah 'pelanduk lupak jerat'. Ini adalah berupa balasan yang akan diterima di dunia, sesuatu pembalasan yang dapat diukur dari pandangan zahir. Tapi betapa siksaa Allah di akhirat nanti? Kalau kita terlepas dari menerima hukuman di dunia kita akan menerima pembalasan di akhirat nanti setimpal dengan apa yang kita lakukan.

Allah Subhanahu Wataala telah berfirman dalam surah Taha potongan ayat 15 yang bererti: "...tiap-tiap diri dibalas dengan apa yang ia usahakan". Ini bererti kita mendapat ganjaran yang baik di akhirat nanti apabila kita melakukan sesuatu yang baik. Begitu juga sebaliknya akan kita terima akibat yang tidak baik jika kita melakukan sesuatu yang tidak baik dan bertentangan pula dengan prinsip-prinsip keislaman.

Tentunya kita pernah mendengar orang mengatakan 'kalau kita menanam padi tak akan menghasilkan lalang'. Ini memangnya kita akui, kalau kita bertanam padi, padilah jua hasilnya, dan kalau kita bertanam lalang, lalanglah jua yang akan jadi. Begitu lah adat kita; yang baik akan dikenang kebajikannya dan yang tidak baik pula tetap menjadi rishtaan yang tidak baik. Oleh yang demikian, hendaklah kita sentiasa berhati-hati menghadapi gelombang hidup ini agar tidak mudah melakukan sesuatu yang bertentangan dengan prinsip-prinsip keislaman, kemanusiaan, dan malah akan mengagalkan kita supaya membuat sesuatu yang nyata mendatangkan kebajikan kerana hasil daripada olah tangan kita yang baik itu bukan saja akan kita nikmati seorang diri kebajikannya, malah adalah untuk agama, bangsa dan negara.

Ramadan Penghulu segala bulan

PUNYAI DARJAT DAN KELEBIHAN

PADA hari ini kita sudah pun berada dalam 17 haribulan Syaaban dan tinggal beberapa hari saja lagi kita akan menempuhi bulan Ramadan yang dikatakan bulan puasa, insya-Allah.

Sungguhpun bulan Ramadan itu adalah bulan yang tinggi rahmatnya dan istimewa kedudukannya di sisi Allah Subhanahu Wataala dan Rasul-Nya, Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Kalau hari Jumaat dikatakan penghulu segala hari bagi orang-orang Islam, maka bulan Ramadan pula dikatakan penghulu segala bulan, kerana dalam bulan inilah diwajibkan melakukan satu amalau yang amat besar nilainya iaitu berpuasa, tidak seseorang yang boleh meninggalkan ibadat puasa ini selagi tidak ada sebab yang dapat diterima menurut ketetapan dan syariat Uagama Islam, mengenai hal ini Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam surah Al-Baqarah ayat 183 bermaksud kira-kira, 'Wahai orang-orang yang beriman diwajibkan ke atas kamu berpuasa sepertimana diwajibkan ke atas mereka yang terdahulu daripada kamu, moga-moga kamu bertakwa.'

Dalam kitab An-Nasai'ihud Diniyah diterangkan antara sebab yang menjadikan bulan Ramadan itu sebagai bulan yang amat tinggi darjatnya, sepertimana diterangkan tadi, antaranya dalam bulan inilah Allah Subhanahu Wataala menurunkan kitab suci Al-Quranul Karim kepada Rasul-Nya, sebagaimana firman-Nya dalam surah Al-Baqarah ayat 185 yang kira-kira bermaksud: 'Dalam bulan Ramadan itu diturunkan Al-Quran sebagai petunjuk kepada semua umat dan juga sebagai penjelasan daripada petunjuk tersebut seperti yang baik dan yang salah.'

Selain daripada itu, dalam bulan ini juga terdapat satu malam yang paling istimewa kerana malam itu adalah lebih baik daripada 1,000 bulan, malam yang dimaksudkan itu ialah malam Qadar atau Lailatul Qadar. Dalam Al-Quran malam ini ada disebutkan, firman Allah Subhanahu Wataala: 'Amalan atau ibadat sama ada yang wajib atau sunat yang dilakukan pada malam itu adalah lebih baik fadhilat atau pahalanya daripada amalan atau ibadat yang dilakukan seribu bulan selain bulan Ramadan, masa seribu bulan itu kalau dijumlahkan tahun ialah 83 tahun. Lama masa itu bukanlah satu masa yang singkat. Malah ada satu masa yang sangat panjang dan kadang-kadang umur manusia pun tidak sampai kepada had tersebut.'

Oleh sebab itu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada meninggalkan wasiat atau pesan kepada umatnya supaya merebut peluang yang diberikan oleh Allah Taala ini, sepertimana hadis Baginda yang bermaksud lebih kurang: 'Barangsiapa berdiri (beribadat) pada Lailatul Qadar dengan penuh keimanan dan mengharapkan keredaan Allah maka di-

punkan dosa-dosanya yang terdahulu.'

Dan lagi antara keutamaan bulan Ramadan ialah penghapusan dosa-dosa kecil selama mana dosa-dosa besar dijauhi itulah dijelaskan juga oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda yang bermaksud: 'Bulan Ramadan yang sedang dilalui kepada bulan Ramadan yang akan datang, sembahyang Jumaat yang akan datang dan sembahyang fardu yang dikerjakan hingga kepada sembahyang fardu yang berikutan semua itu penghapusan dosa-dosa kecil, selagi dosa-dosa besar dijauhi.'


Bulan Ramadan adalah juga dinamakan bulan kesabaran sepertimana hadis Rasulullah bermaksud: 'Bulan Ramadan itu adalah bulan kesabaran, sedangkan sabar itu pahalanya adalah syurga.'

Hadis ini menerangkan bahawa barangsiapa sabar menempuh segala dugaan dalam bulan Ramadan maka balasannya adalah syurga, dalam berpuasa umat Islam dikehendaki bersabar, bukan saja sabar menahan lapar dan dahaga atau sabar menahan kehendak hawa nafsu syahwat, tetapi juga hendaklah sabar dalam semua hal kerana dalam berpuasa ada manusia sudah berubah perangai atau tingkah laku, kadang-kadang manusia yang tidak pemarah akan berubah menjadi pemarah, manusia rajin akan berubah menjadi pemalas dan ahli tidur, orang berpuasa, nafsu minum dan makannya terbuka luas, disebabkan nafsu itu kadang-kadang timbul pula satu sifat yang tidak diingini oleh Islam iaitu sifat membazir dan berbagai lagi tingkah laku yang perlu kepada kesabaran.

Bulan Ramadan juga adalah bulan rahmat, bulan pengampunan dan bulan kemerdekaan sepertimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bermaksud kira-kira: 'Permulaan bulan Ramadan itu adalah limpahan rahmat, pertengahan adalah pengampunan, akhirnya adalah kemerdekaan daripada siksa neraka.'

Bagaimapun harus diingat bahawa berpuasa itu bukanlah hanya pada permulaan, pertengahan dan akhir bulan Ramadan sahaja, sepertimana difahamkan oleh setengah orang, tetapi wajib dikerjakan sepenuhnya kecuali ada sebab yang mengharuskan tidak berpuasa mengikut hukum syarak.

Begitulah dengan ringkas kelebihan dan keutamaan bulan Ramadan. Kalau bulan itu sendiri mempunyai kelebihan dan keutamaan bagaimana pula dengan amalan, atau ibadat yang dilakukan dalam bulan itu?



Tentulah juga mempunyai kelebihan, keutamaan dan keistimewaan yang tersendiri kepada yang membuat dan mengerjakannya. Kita ikuti hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud: 'Siapa yang mendekatkan diri kepada Allah dalam bulan Ramadan, dengan mengerjakan amalan fardu, satu amalan fardu itu menyamai 70 amalan fardu yang dikerjakan dalam bulan bukan Ramadan, dan siapa yang mendekatkan diri kepada Allah dalam bulan Ramadan dengan mengerjakan amalan sunat maka amalan sunatnya itu dapat menyamai amalan fardu yang dikerjakan dalam bulan bukan Ramadan.'

Meneliti hadis ini tentulah menjadi pendorong kepada umat Islam untuk memperbanyakkan amalannya sekalipun yang hukumnya sunat, sebab yang sunat akan mendapat pula seperti fardu sedangkan yang fardu pula sekali dikerjakan akan mendapat pahala yang berlipat ganda.

Sebagai ingatan dan dorongan kepada kita menghadapi bulan Ramadan yang mulia ini, maka di sini kita petik beberapa hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang memperkatakan kelebihan amal ibadat yang dilakukan dalam bulan Ramadan.

Di dalam kitab Jamaul Fawaid ada disebutkan bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud: 'Barangsiapa hadir majlis daripada majlis zikir pada bulan Ramadan dituliskan Allah baginya dengan tiap-tiap langkah seperti ibadat setahun dan adalah pada hari kiamat ia beserta-Ku di

bawah Arasy dan barangsiapa kekal berjemaah pada bulan Ramadan diberikan oleh Allah Subhanahu Wataala Medinah (kota) daripada cahaya yang cemerlang cahayanya.'

Dalam kitab yang sama ada disebutkan bahawa bagi Allah Taala pada tiap-tiap hari daripada bulan Ramadan manakala berbuka puasa beribu-ribu dilekaskan daripada azab api neraka sedangkan mereka itu telah diwajibkan untuk diazabkan dan adalah pada hari Jumaat dan malamnya dilekaskan pada setiap saat beribu-ribu daripada api neraka, sedangkan telah diwajibkan ke atas mereka neraka dan adalah pada akhir hari daripada bulan Ramadan dimerdekakan pada hari itu seperti jumlah orang-orang dimerdekakan daripada awal hingga akhir bulan Ramadan itu.

Berdasarkan ayat Al-Quran dan hadis tadi maka patutlah kita mengambil peluang untuk beramal dengan penuh takwa untuk mendapatkan keredaan Allah Taala dan memperolehi keampunan daripada-Nya, dan dijauhi daripada orang-orang yang mendapat celaka sepertimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bermaksud:

'Jibril Alihis Salam berkata kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam barangsiapa yang menemui bulan Ramadan tetapi tidak memperolehi keampunan daripada Allah untuk dirinya, maka Allah menjauhkan orang-orang itu daripada-Nya yakni dijauhkan daripada rahmat-Nya. Katakan olehmu Ya Muhammad! Aminul Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berkata amin, Wallahuaklam.'

Hukuman bukan penyelesaian terakhir bagi suatu kesalahan

MUSTAHAKNYA KEIMANAN, KETAKWAAN SEBAGAI PERISAI

Assalamualikum Warahmatullahi Wabarakatuh

TUAN-TUAN yang dihormati sekalian.

Adapun tema sambutan pertandingan pada tahun ini ialah "Bersatu Ke Arah Keamanan dan Kemajuan." Tuan-tuan, kejadian-kejadian maksiat, kejadian mungkar dalam berbagai-bagai bentuk yang kian bertambah peratusnya membayangkan bahawa masyarakat hari ini di mana-mana jua pun sedang dilanda penyakit keruntuhan akhlak.

Kita patut bimbang dengan keadaan-keadaan yang semacam ini, walaupun kes jenayah tidaklah seburuk yang melanda di negara-negara lain, namun perhatian patut kita usahakan bersama supaya keadaan jangan bertambah serius.

Kes-kes merosakkan harta benda awam, disiplin yang menurun dan lain-lain seumpamanya tambah meyakinkan kita akan keperluan agama sebagai asas untuk mengubati penyakit-penyakit ini.

Kita patut ingat bahawa cara yang paling mudah untuk meruntuhkan suatu masyarakat itu ialah apabila rakyatnya tidak lagi berpegang teguh dengan agama dan nilai-nilai akhlak yang mulia.

Kebimbangan kita tadi bukan tidak berasas bahawa sejarah telah memperlihatkan perihal jatuh bangun suatu tamadun itu berpunca dari peribadi anggota-anggota masyarakatnya yang rosak.

Memang benar pelaksanaan hukum merupakan di antara jalan-jalan yang berkesan bagi membetulkan segala kemungkaran dan kemaksiatan yang berlaku hari ini. Kerana itu Islam telah meletakkan asas-asas yang cukup kuat untuk membendung segala perkara yang mungkar dan maksiat itu sejak awal-awal lagi, sejak kecil lagi.

Contohnya, kesalahan-kesalahan zina, curi, minum arak dan seumpamanya adalah sangat berat di dalam Islam. Semuanya itu bertujuan untuk mewujudkan keamanan, supaya orang-orang lain akan takut dan gentar tidak melakukan perbuatan-perbuatan yang keji itu.

Hukuman bukanlah merupakan penyelesaian terakhir bagi suatu kesalahan itu. Kesalahan-kesalahan menyalahgunakan dadah umpamanya bagi setengah-tengah negara di dunia ini ialah tali gantung, namun wabak dadah tetap berleluasa.

Maka berdasarkan pengalaman ini kita bertambah yakin betapa mustahaknya keamanan dan ketakwaan di dalam dada sebagai perisai kepada gejala-gejala yang buruk dan keji.

Hukuman manakah yang dapat menembusi hati-hati orang yang ria, takbur dan pendengki dan lain-lain sifat yang keji kalau bukan hukuman Allah Taala yang didasarkan rasa takut dan gentar. Takut akan azab Allah Taala.

Sebab itu apabila seseorang mukmin itu meletakkan dirinya bahawa ia di bawah pengawasan Allah, Allah melihat setiap gerak langkahnya jika ia mengangap dirinya sebagai hamba Allah, tentulah ia akan merasa malu, merasa takut melakukan perkara-perkara yang ditegah.

Inilah yang dimaksudkan oleh hadis Rasulullah: "Hendaklah engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihat-Nya. Jika engkau tidak melihat-Nya, maka sesungguhnya Allah melihat engkau."

Memang pelaksanaan hukum adalah di antara jalan-jalan yang berkesan bagi membetulkan segala kemungkaran dan kemaksiatan yang berlaku hari ini, tetapi rancangan jangka panjang melalui pendidikan yang lebih sempurna merupakan suatu keperluan yang mendesak bagi melahirkan manusia yang taat kepada Allah.

Tuan-tuan yang dihormati sekalian,

Keamanan adalah idaman semua orang, oleh sebab itu setiap orang mestilah bersatu padu ke arah itu. Firman Allah: 'Dan hendaklah bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat), dan pencemburuan.' — Al-Maidah ayat 2.

Kerana itu dalam kehidupan kita sehari-hari dalam pergaulan kita sehari-hari, telah digariskan peraturan-peraturan supaya keamanan dan keselamatan masyarakat akan terjamin.

Dalam Islam orang-orang Islam itu adalah bersaudara, disuruh kita mendamaikan saudara-saudara kita yang bertelingkah. Kita disuruh supaya melakukan kebaikan terhadap saudara-saudara kita, dan dalam waktu yang sama kita dilarang melakukan kejahatan-kejahatan terhadap saudara kita.

Kita dilarang menaruh rasa hasad dengki terhadap saudara kita. Inilah di antara penyakit-penyakit hati yang sangat merbahaya. Penyakit itu bukan saja merosakkan pendengki-pendengki itu sendiri, tetapi ia juga boleh

mengeruhkan suasana yang aman damai dalam masyarakat.

Kita tentu ingat bagaimana seseorang saudara tergamak membunuh saudaranya, semata-mata untuk melepaskan kemarahan, sentiment yang meluap-luap, rasa dengki kerana tidak beruntung memperoleh sesuatu yang lebih baik yang didapati oleh saudaranya. Sikap inilah yang pernah mendorong anak Adam, Qabil membunuh saudara kandungnya Habil.

Al-Quran telah merekodkan cerita dua bersaudara itu supaya kita mengambil iktibar dan menjadikannya sebagai pelajaran bagaimana Qabil sanggup membunuh saudaranya Habil hanya kerana seorang perempuan.

Kerana sifat dengki ini seorang saudara sanggup mengkhianati saudaranya. Kita lihatlah, bagaimana kerana harta dua saudara sanggup bermasam-masam muka. Kita lihatlah kerana harta, kerana hendak menikmati kekayaan seseorang saudara sanggup merosakkan kehidupan saudaranya dalam Islam dengan mengedar atau menjual dadah.

Kerana besarnya bahaya dengki itu dalam masyarakat Rasulullah pernah memberi amaran dalam hadis Baginda yang kira-kira bermaksud: "Awak kamu daripada bersifat prasangka, sesungguhnya prasangka itu adalah kata-kata yang paling dusta. Janganlah saling olok-mengolok, intai-mengintai, atas-mengatasi, dengki-mendengki benci-membenci dan jebak-menjebak. Jadilah kamu sekalian laksana hamba-hamba Allah yang bersaudara seperti yang diperintahkan kepada kamu. Seorang Muslim itu adalah saudara bagi seorang Muslim yang lain janganlah ia menzalimi saudaranya. Janganlah ia membiarkannya (apabila ia dizalimi) dan janganlah ia menghina saudaranya."

Demikian maksud sebuah hadis Rasulullah yang panjang.

Bencana hasad dengki menyebabkan seorang sanggup membuat tuduhan-tuduhan palsu. Banyak jemaah yang berpecah belah kerana angkara manusia pendengki, membawa fitnah

ke sana ke mari tanpa takut-takut kepada Allah. Yang paling malang manusia pendengki itu merugikan diri sendiri. Tandanya: apabila ia merasa 'dirindih' bertinggian sedangkan keupayaan sangat terbatas. Akan lebih malang lagi nasib pendengki itu apabila ia terjebak kepada perkara-perkara haram untuk menampung keperluan-keperluannya yang rakus itu.

Demikianlah andainya iri hati, berdengki-dengkian, hina-menghina, tuduh-menuduh subur dalam sebuah masyarakat, maka akan timbullah keretakan, akan terjadilah pergaduhan akhirnya kita akan berpecah belah. Apabila itu terjadi perpaduan umat Islam, persatuan orang-orang Islam tidak akan kukuh. Bahkan keselamatan dan keamanan tidak akan terjamin, dengan mudah dan senangnya bagi musuh-musuh Islam untuk memasuki ideologinya sama ada ia menyerang secara terang-terangan atau sembunyi-sembunyi.

Demikianlah bagaimana Islam meletakkan asas-asas persaudaraan dalam Islam. Semuanya bertujuan supaya umat Islam sentiasa padu, supaya umat Islam gagah perkasa, supaya umat Islam tidak berpecah-belah dan bercerai-berai.

Kadang-kadang tidak terfikir oleh kita bagaimana Islam memandang bahawa perkara-perkara yang nampak kecil, benda-benda yang semacam remeh itu merupakan suatu sumbangan terhadap kesejahteraan dan keamanan. Cuba tuan-tuan perhatikan kita menolong seorang lelaki yang berangkat naik ke atas binatangnya (kenderaannya) atau kita menolong mengangkat baginya barang-barang ke atas kenderaannya itu adalah menjadi suatu sedekah, perkataan yang baik itu sedekah. Bahkan membuang duri di jalan itu merupakan cabang dari iman, manis muka, memberi salam, adalah perkara-perkara yang mudah, tetapi sangat tinggi nilainya menurut Islam, suatu sumbangan terhadap keamanan.

Bukan itu saja, Rasulullah pernah bersabda: "Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari kemudian hen-



BERIKUT ialah teks penuh syarahan khas di majlis Peraduan Membaca Al-Quran peringkat Kebangsaan oleh Awang Haji Saifuddin bin Haji Mohd. Penolong Pengarah Khidmat Ekhwal Syariah Kementerian Hal Ehwal Ugama di majlis Peraduan Membaca Al-Quran peringkat Kebangsaan pada 22 April lepas di Terengganu. **Haji Sir Muda Omar Saifuddin, Bandar Seri Begawan.**

daklah ia memuliakan jirannya, dan barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari kemudian hendaklah ia memuliakan tetamunya."

Semua anjuran di atas di antaranya bermaksud untuk mengukuhkan perpaduan sesama saudara umat Islam, mewujudkan keamanan dan kesejahteraan.

Bahkan ingatan telah dikeluarkan oleh Rasulullah bahawa "tiada beriman seseorang kamu sehingga ia mencintai untuk saudaranya apa yang ia cintai untuk dirinya."

Dalam ertikata yang lain bahawa orang Mukmin itu dalam hidupnya sentiasa padu, berat sama dipikul ringan sama dijinjing - bukit sama didaki lurah sama dituruni - mendapat sama berlabu kehilangan sama berugi - terapung sama hanyut terendam sama basah. Inilah semangat persaudaraan dalam Islam.

Tuan-tuan yang dihormati sekalian,

Jalan menegakkan keamanan dalam masyarakat Islam adalah jalan yang panjang, penuh dengan liku, penuh dengan ranjau dan duri. Kerana bukan saja kita terpaksa membetulkan diri sendiri supaya berjalan lurus, kita juga terpaksa membetulkan orang lain supaya sama-sama lurus, dan kadang-kadang kita terpaksa berhadapan dengan musuh-musuh kita sendiri.

Oleh kerana itu apabila kita mendapati ada saudara-saudara kita melakukan sesuatu yang mungkar sesuatu yang boleh menyebabkan dirinya, masyarakat Islam atau negara berada dalam keadaan tidak sihat, keamanan tidak terjamin. Maka adalah menjadi kewajipan supaya setiap orang Islam akan bersemangat sebagaimana sabda Rasulullah yang kira-kira bermaksud: "Sesiapa yang melihat sesuatu yang mungkar maka hendaklah diubahkan dengan tangannya, jika tidak kuasa berbuat demikian, maka ubahlah dengan lidahnya, dan jika tidak berkuasa juga ubah saja dengan hati, dan ini adalah iman yang paling lemah."

Dan sabda Rasulullah lagi, maksudnya: "Dari Abi Ruyayyah Tamim bin Ausin Ad-Dari radiallahu an, bahawasanya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, bersabda "Agama itu nasihat: kami berkata: Bagi siapa? Baginda bersabda: Bagi Allah dan bagi kitab-Nya, dan bagi Rasul-Nya dan bagi imam-imam kaum Muslimin, dan bagi orang ramai mereka."

Maksud menasihati imam kaum Muslimin ialah menolong mereka menyokong mereka dalam perkara kebenaran dan keadilan, patuh kepada mereka dalam perkara kebaikan, tegur mereka dengan cara yang wajar menurut saluran-saluran. Peringatan mereka di atas mereka terlalai dari kewajipan dan jangan hasut orang lain supaya keluar dari benteng mentaatinya yang membela kekacauan yang boleh membawa ketiadaan aman dan kesejahteraan.

Sementara itu, "menasihati kepada orang ramai kaum Muslimin" pula ialah memimpin mereka ke jalan yang lurus. Mengawasi mereka dan melakukan jalan yang lurus, mengajari mereka, mengajari dalam perkara dan ajar-mengajar dalam urusan-urusan kesabaran.

Inilah tuan-tuan, di atas jalan-jalan untuk menegakkan arah keamanan, semuanya memerlukan kita sahaja tekun, waspada dalam melaksanakannya dan paling penting supaya kita sentiasa berusaha menjadi anggota masyarakat yang berakhlak kerana dengan takwa adalah modal yang paling besar dalam mengharap rahmat daripada Allah. Bukankah di kalangan orang-orang Mukmin yang salaf itu doa-mendoakan untuk kesejahteraan? "Assalamu alaina wa alaa ibadina salihin" yang sering kita ucapkan di dalam talibar sembahyang iaitu sejahtera ke atas kami dan ke atas hamba-hamba Allah yang salehin.

Firman Allah dalam Surah Al-A'raf yang kira-kira maksudnya: "Dan sekiranya penduduk negeri beriman dan bertakwa, tentulah kami membetulkan kepada mereka keberkahan (limpah kurnia) dari langit dan dari bumi, tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami) lalu Kami timpakan mereka dengan azab yang disebabkan apa yang mereka lakukan."

Di antara sifat-sifat orang yang takwa ia tidak melakukan perkara-perkara yang keji dan mungkar, ia adalah merupakan suatu sumbangan terhadap keamanan mereka sentiasa berdo'a untuk kesejahteraan, keselamatan dan keamanan di dunia lebih-lebih lagi di akhirat. Mereka juga mendoakan untuk sekalian orang Islam.

Mereka sentiasa berdo'a dan membaca Al-Quran dan membaca beberapa surah.

Istiadat Mengurniakan Pingat

BANDAR SERI BEGAWAN. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sekali lagi telah berkenan mengurniakan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada 244 orang pegawai dan kakitangan kerajaan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah telah berkenan berangkat bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menyempurnakan istiadat mengurniakan pingat-pingat tersebut yang berlangsung di Dewan Persantapan Lapau di sini pada 15 April lepas.

Sementara itu seramai 188 orang pegawai dan kakitangan Pasukan Polis Diraja Brunei telah dikurniakan pingat-pingat kehormatan pada 18 April lepas.

Dari jumlah tersebut seorang dikurniakan Pingat Bakti Laila Ikhlas (P.B.L.I.) seramai enam orang menerima Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.), seorang dikurniakan Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B.) dan seramai 181 orang telah menerima Pingat Kerja Lama Polis.

Berikut ialah senarai penuh penerima pingat-pingat kehormatan Negara Brunei Darussalam.

Pingat Jasa Kebaktian — P.J.K.

Pengiran Hj. Muhammad bin Pg. Hj. Chuchu, Awg. Hj. Sth bin Hj. Ali, Awg. Hj. Ibrahim Faisal bin Hj. Mohd. Basri, Awg. Frederick Ralph Harper.

Pingat Indah Kerja Baik — P.I.K.B.

Awg. Hj. Abu Bakar bin Hj. Md. Salleh, Pg. Hj. Bakar bin Pg. Chuchu, Awg. Hj. Husin bin Yaakub, Dy. Norimah binti Jaafar, Awg. Hj. Ahmad bin Hj. Salim.

Pingat Kerja Lama — P.K.L.

YB. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Ustaz Hj. Awg. Mohd. Zain bin Hj. Seruddin, Hj. Awg. Abu Bakar bin Pehin Orang Kaya Seri Wangsa Awg. Hj. Abd. Hamid, Awg. Hj. Abd. Rahim bin Mat Walli, Pg. Yusof bin Pg. Anak Hashim, Awg. Mohd. Yusof bin Hj. Dulsamin, Awg. Hj. Mohd. Yusof bin Hj. Metali, Awg. Noosaid bin Hj. Mohd. Zain.

Awg. Mohd. Jais bin Tarif, Awg. Hj. Abd. Rahman bin Mentiri, Awg. Ibrahim bin Adis, Awg. Hj. Yusof bin Hj. Besar, Awg. Hj. Mohd. Daud bin Hj. Tamit, Awg. Abd. Hamid bin Ibrahim, Solomon Soo Boon Ann, Awg. Othman bin Ghani, Pg. Mat Don bin Pg. Hj. Besar, Awg. Hj. Mohammad bin Hj. Tudin, Awg. Zainuddin bin Hj. Mohd. Noor, Awg. Hj. Sarwadi bin Pengarah Hj. Abdullah.

Awg. Hj. Kamis bin Saman, Awg. bin Timbang, Awg. Hassan bin Simpol, Awg. Lundong bin Ahad, Awg. Lakim bin Bahar, Awg. Hj. Hamdani bin Hj. Omar, Awg. Hj. Ahmad bin Sulaiman,

Awg. Ahmad bin Suhaili, Dy. Zaliha binti Hj. Majid, Awg. Abdullah bin Lasim, Awg. Abu Bakar bin Hj. Chuchu.

Dy. Selasa Gana, Awg. Hj. Wasli bin Janai, Awg. Hj. Abu Bakar bin Hj. Ratu, Awg. Redzuan bin Abdullah, Dy. Siti Awan binti Tengah, Dy. Salmah binti Md. Yusuf, Awg. Abd. Latif bin Bungsu, Awg. Saniah bin Jaya, Awg. Pakai bin Litoh, Awg. Tuah bin Damit, Dy. Rabiah binti Hj. Othman, Dy. Halus binti Hj. Piut, Awg. Akip bin Idin @ Akif bin Idin.

Awg. Tamin bin Abdul Rahman, Awg. Owek bin Agol, Awg. Ibrahim bin Idrus, Dy. Taifah binti Hj. Jaafar, Awg. Marak bin Datu Maharaja Setia Dian, Dy. Maimunah binti Alias @ Jasnah, Dy. Fatimah binti Hj. Mohamad, Awg. Md. Tahir bin Md. Yusof, Awg. Abu Bakar bin Abdul, Awg. Hj. Damit bin Awg. Mohammad, Awg. Hj. Abd. Wahab bin Hj. Sulaiman, Awg. Suhaili bin Umar, Dy. Saleha binti Salim, Awg. Ibrahim bin Abd. Rahman 'A'.

Awg. Mohammad bin Aji @ Mohammad bin Hj. Abdullah, Awg. Mohd. Salleh bin Abdullah, Awg. Hj. Abd. Hamid bin Hj. Kalong, Awg. Buntar bin Hj. Abdullah, Awg. Othman bin Hj. Ahmad, Awg. Akop bin Ampuan Hj. Judah @ Yaakub, Dy. Fatimah binti Kadir, Awg. Mamit bin Hj. Bahar, Awg. Awat bin Agong, Dy. Hj. Saemah binti Hj. Md. Yusof, Awg. Hj. Md. Said bin OKB Hj. Md. Dayang, Awg. Hj. Abd. Rahim bin Hj. Duraman.

Awg. Edin bin Abdullah, Pg. Ibrahim bin Pg. Hj. Abu Bakar, Awg. Harun bin Ahmad, Awg. Johari bin Suhut, Awg. Jalil bin Ali, Dy. Norpiah binti Bolhassan @ Noorfiah, Awg. Mohd. Daud bin Bangkol, Dy. Rosni binti Abu Bakar, Dk. Rosni binti Pg. Badar, Dy. Jalia binti Hj. Ibrahim, Datin Hajjah Zaharah bin Hj. Jaafar, Dy. Noriah binti Hj. Mohammad, Dy. Hajjah Ainee binti Hj. Munchit, Awg. Tusin bin Hj. Tamat, Awg. Ismail bin Hj. Mahmud, Dy. Wartini binti Hj. Md. Tuah.

Dy. Aminah binti Ibrahim @ Rosnah, Dy. Hj. Zaayah binti Sh. Abdullah @ Jauyah, Awg. Hj. Mohd. Lot bin Salleh, Awg. Noordin bin Hj. Yaakub, Awg. Tengah bin Haji Morsaid, Awg. Julaihi

bin Serbini, Dy. Hj. Masniah binti Hj. Ibrahim, Malai Salleh bin Malai Hj. Yahya, Awg. Mat Jair bin Hj. Mohd. Yusof, Dy. Hj. Masnah binti Awg. Hj. Salleh, Awg. Murah bin Momin, Dy. Maimun binti Ahmad, Dy. Hj. Rosni binti Hj. Ibrahim, Dy. Siti Mariam binti Hj. Ibrahim.

Awg. Hj. Md. Hussain bin Hj. Jair, Awg. Md. Zaman bin Hj. Ali, Awg. Hj. Zunaiddi bin Hj. Kaling, Dy. Hj. Tinggal binti Budin @ Rahimah, Pg. Rosni binti Pg. Ismail, Dy. Hj. Zainab binti Lakim @ Lipah, Awg. Abdul Rashid bin Hj. Ahmad, Awg. Zainuddin bin Hj. Jaafar, Awg. Hj. Bakir bin Untak, Dy. Hj. Halimah binti Hj. Nawang, Pg. Hj. Ahmad bin Pg. Hj. Omar, Pg. Muhammad bin Pg. Hj. Md. Daud.

Awg. Hj. Othman bin Abd. Ghani, Pg. Anak Hadizah binti Pg. Muda Omarali, Awg. Abd. Razak bin Idris, Dy. Hj. Aminah Abd. Rahman, Awg. Ering bin Awg. Mumin, Dy. Hj. Roshani binti Hj. Mohiddin, Ampuan Hassan bin Ampuan Hj. Damit, Dk. Hj. Hasinah binti Pg. Hj. Damit, Awg. Md. Jaafar bin Md. Tahir, Awg. Ismail bin Jalil, Awg. Kifle bin Hj. Chuchu, Awg. Zakaria bin Hj. Ahmad.

Awg. Alihassan bin Hj. Abdul Rahman, Awg. Hj. Md. Salleh bin Awg. Saat, Awg. Hj. Muhammad bin Hj. Umar, Awg. Tahir bin Hj. Ahmad, @ Matayer, Dy. Rohanah binti Hj. Kura, Dy. Maimunah/Insan binti Hj. Serudin, Dk. Mariam binti Pg. Hj. Chuchu, Dy. Fatimah binti Ahmad, Dy. Rambunai bin Abu Bakar, Awg. Mirhasan bin Hussin, Awg. Hj. Masri bin Hj. Mohamad Don, Dy. Fatimah bin Hj. Abd. Ghani, Awg. Harun bin Hj. Abd. Latif, Dy. Hj. Zaayah binti A. Besar, @ Zawiyah.

Dy. Hasmah binti Hj. Omar, Dy. Masni binti Md. Said, Dy. Masbah binti Hj. Jeneh, Dy. Hindun binti Hj. Saidi, Awg. Etis bin Yabau, Awg. Mohd. Juani bin Lagong, Awg. Idris bin Ahmad, Dy. Halimah binti Hj. Mahadi, Awg. Zainal bin Abd. Rahman, Awg. Abd. Halim bin Mohd. Noor, Pg. Kula bin Pg. Kalong, Awg. Juary bin Ahmad @ Juary bin Amat, Awg. Mohammad bin Morshid.

Awg. Salim bin Hj. Salleh, Awg. Hitam bin Ahmad @

Kamis bin Asmat, Dy. Hj. Maimon Rosnah binti Sulaiman, Awg. Mohd. Hassan bin Abdullah, Awg. Kamis bin Jeluddin, Awg. Hj. Aris bin Baneh, Awg. Tamit bin Alias, Dy. Sarbanun binti Mohammad, Dy. Hj. Rosni binti Dato Hj. Hamidon, Awg. Kula bin Ghani, Awg. Tuah bin Hj. Jamil Dy. Hj. Siti Zaliha binti Hj. Abd. Hamid, Awg. Haji Johari bin Hj. Ibrahim.

Dy. Noraini binti Abdullah, Awg. Damit bin Serudin, Awg. Udan bin Timbang, Dy. Hasnah binti Suhaili, Awg. Md. Salleh bin Md. Daud, Awg. Meludin bin Elin, Awg. Masri bin Hj. Omar, Awg. Untong bin Hj. Kadir, Awg. Ajis bin Ahim, Awg. Takong bin Tengah, Awg. Ditrani bin Ismail, Awg. Hj. Sulaiman bin PDG Awg. Osman, Awg. Hj. Tamit bin Hj. Tamin, Awg. Abd. Razak bin Hj. Latif, Pg. Bakar bin Pg. Othman, Awg. Yunus bin Bakar, Awg. Hj. Mustapha bin Serudin.

Awg. Mohammad bin Hj. Baha, Awg. Nayan bin Hj. Miramit, Pg. Hj. Mohd. Salleh bin Pg. Bungsu, Awg. Hj. Ismail bin Laki, Awg. Tong Bong Hock, Pg. Hj. Md. Tahir bin Pg. Hj. Tengah, Awg. Tuah bin Yaakub, Awg. Mohd. Sofyan bin Abdullah @ Awang Kulus bin Raga, Awg. Mohd. Noor bin Awg. Judin, Awg. Hj. Mat Seruddin bin Ahmad, Awg. Tan Seng Teck, Awg. Hj. Abd. Hadi bin Abd. Kadir, Pg. Abd. Wahab bin DPB Hj. Mohd. Yassin, Awg. Hj. Shawal bin Hj. Tengah, Awg. Ismail bin Asmat.

Awg. Hj. Ismail bin Bakar, Awg. Adi bin Ibrahim, Awg. Md. Daud bin Abd. Kadir, Awg. Morshid bin Lauleh, Pg. Hj. Abd. Hamid bin Pg. Hj. Munggu @ Monggo, Dy. Saudah binti Sudin, Dy. Hj. Zainab bin Harun, Awg. Idris bin Hj. Ibrahim, Awg. Hj. Sulaiman bin Shamsuddin, Awg. Md. Yusof bin Rais, Dy. Hj. Noralam binti Abdullah, Awg. Hj. Karim bin Ahmad, Dy. Siti Zainun binti Sh. Osman, Dy. Radiah binti Osman.

Awg. Andry bin Narak, Dy. Fatimah binti Hj. Abd. Latif, Dy. Hj. Amit bin Hj. Naim, Ak. Hidup bin Pg. Besar, Awg. Kifli bin Md. Yusof, Awg. Burut bin Kalong, Dk. Emas @ Dk. Masni binti Pg. Chuchu, Dy. Aminah binti Hj. Timbang, Dy. Chung See Moi, Awg. Leong Kiang Fong, Dy. Rosnani binti Abdullah, Awg. Mohd. Yusof bin Bulat.

PINGAT BAKTI LAILA IKHLAS — P.B.L.I.

YAM Pengiran Putera Negara Pengiran Umar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong, Pesuruhjaya Polis.

PINGAT JASA KEBAKTIAN — P.J.K.

Sgt. 320 Pungut bin Mahlan, Sgt. 854 Garip bin Haji Baha, Sgt. 702 Kamis bin Metassan, Sgt. 5 Sulaiman bin Karah, Staf Sarjan 610 Abu Bakar bin Abd. Hamid, Sgt. 4 Zaini bin Haji Serudin.

PINGAT INDAH KERJA BAIK — P.I.K.B.

Pengiran Haji Jaludin bin Pengiran Salleh.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah mengurniakan pingat PBLI kepada Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar, Pesuruhjaya Polis. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

PINGAT KERJA LAMA POLIS

Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Dato Haji Abd. Rahman bin Haji Awang Besar, Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Dato Haji Ismail bin PDPD Haji Abd. Rahim, Penolong Pesuruhjaya Polis Dato Alias bin Sh. Ahmad, Penguasa Polis YAM Pengiran Indera Perkasa Pengiran Haji Hamdan bin Pengiran Haji Ismail, Penguasa Polis Dato Haji Abd. Rahman bin Abd. Hamid, Penguasa Polis Kevin Fung Kiat Kong, Penguasa Polis W D Boyd, Penguasa Polis Haji Yahya bin Haji Tinggal, Penguasa Polis Pengiran Dato Kamaluddin bin Pg. Haji Besar, Penguasa Polis Manan bin Osman.

Penguasa Polis Hussain bin Hidup, Penguasa Polis Abd. Hamid bin PDIS Haji Johari, Pemangku Penguasa Polis Haji Mohammad Freddie Chong, Pemangku Penguasa Polis Chua Peng Kui, Pemangku Penguasa Polis Pehin Datu Laksamana Datu Paduka Abdul Latif bin Abd. Ghaffar, Timbalan Penguasa Polis Dato Joseph Yong Yin Cheong, Timbalan Penguasa Polis Mohd. Agus Din bin Bilun, Timbalan Penguasa Polis Abu Bakar bin Sh. Osman, Timbalan Penguasa Polis Haji Seruji bin Sukor, Timbalan Penguasa Polis Tajuddin bin Md. Yusof.

Timbalan Penguasa Polis Pengiran Haji Salim bin Pg. Wahid, Timbalan Penguasa Polis Mohammad bin Haji Zainal Abidin, Timbalan Penguasa Polis Martin Bungga, Timbalan Penguasa Polis Han Foo Kwang, Timbalan Penguasa Polis Abdullah bin Ishak, Pemangku Timbalan Penguasa Polis Colin Choo Kee, Pemangku Timbalan Penguasa Polis Mohd. Suot bin Maksin, Penolong Penguasa Polis YDM Pehin Datu Dermasakti Dato Paduka Haji Awang Abdul Razak bin Abdullah, Penolong Penguasa Polis Ismail bin Md. Yassin, Penolong Penguasa Polis Haji Othman bin Tahir.

Penolong Penguasa Polis Chang Tim Chee, Pemangku Penolong Penguasa Polis Othman bin Mohd. Salleh, Pemangku Ketua Inspektor Abu Daniel bin Abu Zar, Pemangku Ketua Inspektor Haji Johari bin Abd. Rahman, Inspektor Kanan Dennis Power, Inspektor Kanan Pengiran Haji Zainal bin Pg. Ahmad, Inspektor Kanan Md. Hassan bin Md. Yusof, Inspektor Mahmud bin Mohd. Daud, Inspektor Abd.

Haji Halim bin Haji Ahmad.

Sarjan Mejar 121 Ibrahim bin Abdullah, Pemangku Sarjan Mejar 113 Md. Hussin bin Abd. Rahman, Pemangku Sarjan Mejar 574 Bagol bin Momin, Staff Sarjan 304 Suhaimi bin Saban, Staff Sarjan 402 Abd. Rahman bin Pillai, Staff Sarjan 423 Sabtu bin Md. Zain, Staff Sarjan 424 Langkau Anak Nyuah, Staff Sarjan 427 Md. Yusof bin Serudin, Staff Sarjan 469 Ismail bin Md. Yassin, Staff Sarjan 472 Ghulam Rahmani bin Khanizaman.

Staff Sarjan 502 M. Abd. Latiff bin Abdullah, Staff Sarjan 509 Haji Karim bin Haji Salleh, Staff Sarjan 513 Metassan bin Landok, Staff Sarjan 514 Awang Suhaimi bin Awang Damit, Staff Sarjan 535 Umar bin Salim, Staff Sarjan 542 Ahmad bin Ibrahim, Staff Sarjan 549 Andy Sapong, Staff Sarjan 551 Ahad bin Rendah, Staff Sarjan 552 Abdullah bin Haji Yaakub, Staff Sarjan 23 Mohammad bin Damit.

Staff Sarjan 579 Anggau Ahmad, Staff Sarjan 584 Marali Madi, Staff Sarjan 597 Embas bin Onis, Staff Sarjan 600 Othman bin Md. Yassin, Staff Sarjan 610 Abu Bakar bin Abd. Hamid, Staff Sarjan 636 Md. Yassin bin Md. Daud, Staff Sarjan 683 Haji Mohammad Roger bin Abdullah, Staff Sarjan 911 Simpon Singel, Staff Sarjan 1735 Edward Puk Kim Sui, Staff Sarjan 1788 Haji Metussin bin Tudin.

Staff Sarjan 140 Lamat bin Hussin, Staff Sarjan 193 Frederick Selos Ak Nyaing, Staff Sarjan 1884 Ahmad bin Salleh, Staff Sarjan 453 Abd. Haji Samad bin Saidin, Staff Sarjan 503 Suhaili bin Deman, Staff Sarjan 918 Sulaiman bin Ratu, Pemangku Staff Sarjan 5 Sulaiman bin Karah, Pemangku Staff Sarjan 50 Hong Ching Onn, Pemangku Staff Sarjan 124 Sulaiman bin Lamudin, Pemangku Staff Sarjan 125 M. Hasim bin Md. Mamdin.

Pemangku Staff Sarjan 131 Pengiran Yassin bin Pg. Haji Said, Pemangku Staff Sarjan 138 Md. Hassan bin Awang Metahir, Pemangku Staff Sarjan 451 Mohd. Noor Abdullah, Pemangku Staff Sarjan 483 Serudin bin Hussin, Pemangku Staff Sarjan 500 Pengiran Md. Salleh bin Pg. Kahar, Pemangku Staff Sarjan 501 Yada bin Puchok, Pemangku Staff Sarjan 580 Othman bin Chik, Sarjan 39 Budiman bin Suhaili, Sarjan 75 Alias bin Leece.

Lihat muka 10



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah mengurniakan pingat PJK kepada Pengiran Haji Muhammad. — Gambar oleh Pengiran Bahar PHO.

Pegawai dan k-tangan K'jaan diingatkan: Jalankan tugas dengan berkesan

MUARA. — Pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan patutlah menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan berkesan sebagaimana yang diterangkan kepada mereka ketika menerima lantikan perkhidmatan.

Perkara ini perlu, jelas Pengarah Perjawatan, kerana syarat-syarat perkhidmatan tersebut sudah setentunya melibatkan tanggungjawab kita kepada orang ramai.

Pengarah Perjawatan, Awang Ahmad bin P.O.K. Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Mohd. Yusoff menjelaskan demikian di Perbarisan Tamat Latihan Ahli-Ahli Bomba Skwad yang ke-23, yang berlangsung di Pusat Latihan Bomba, Muara pada 13 April lepas.

Katanya, sumbangan tenaga dan fikiran dari pegawai-pegawai serta kakitangan kerajaan dalam membina, menyelamatkan, membina serta memelihara kedaulatan negara amat diperlukan khususnya

Oleh Zubaidah HS

dalam perkhidmatan bomba, kerana dengan ini akan mengurangkan pengaduan dan kehampaan orang ramai.

Ahli-ahli bomba, tegasnya, mestilah mempelajari dan mengetahui dengan jelas semua alamat rumah, kawasan, jalan lalu simpang, kampung dan mukim di negara ini. Kerana dengan demikian akan memudahkan dan melicinkan lagi tugas-tugas mereka kepada negara dan orang ramai.

"Kita tidak mahu menimbulkan perasaan kurang senang dan tidak puas hati orang ramai, lebih-lebih lagi ketika ini musim kemarau, dan mungkin akan banyak melibatkan harta benda, nyawa sekiranya tanpa adanya perkhidmatan bomba yang cekap," tegasnya.

Pengarah Perjawatan sebelum itu telah menyampaikan hadiah-hadiah kepada rekrut yang terbaik di Pengambilan Skwad yang ke-23. Rek. AB 25



PENGARAH Perjawatan ketika menyampaikan hadiah kepada Rekrut Terbaik dalam semua jurusan Rekrut AB 25 Lilysurayani bin Sidek. — Gambar oleh Harun Rashid.

Lilysurayani bin Sidek telah muncul sebagai Rekrut Terbaik dalam semua jurusan, Rek. AB 276 Kamis bin

Salim, Terbaik dalam Bahagian Bertulis serta Rek. AB 78 Murni bin Misir sebagai Rekrut Terbaik dalam Bahagian Kawad Bomba.

Ahli-ahli Bomba seramai 48 orang yang menamatkan kursus pada hari tersebut akan ditempatkan di semua cawangan bomba seluruh daerah. Mereka ini telah pun mengikuti kursus asas serta syarahan-syarahan dalam hal-hal kebompaan di pusat tersebut selama 16 minggu.

Di Majlis perbarisan tersebut, ahli-ahli bomba juga telah membuat pertunjukan cara-cara memadam kebakaran dan menyelamatkan.

Peraduan Mencipta Logo

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan Mencipta Logo bagi Persatuan Kanak-kanak Cacat Negara Brunei Darussalam (KACA) dibuka dari sekarang sehingga 13 Mei depan.

Peraduan tersebut terbuka kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Persatuan KACA mempunyai moto 'Bantulah Mereka Untuk Membantu Diri Mereka Sendiri' dan Logo 'Pelangi'. Logo yang dicipta hendaklah berukuran 40cm x 50 cm, dan mengandungi tujuh warna pelangi.

Peserta yang berjaya akan menerima hadiah saguhati sebanyak \$500.00. Setiap penyertaan hendaklah dihantar tidak lewat dari tarikh tersebut kepada Setiausaha Persatuan KACA, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Kemajuan pelajaran terletak kepada tiga golongan

TEMBURONG. — Kemajuan pelajaran kanak-kanak terletak di atas usaha gigih tiga golongan iaitu murid-murid, ibu bapa dan guru.

Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan Kementerian Pelajaran, Pg. Mohd. Zain bin Pg. Haji Lampoh berkata, kerjasama yang jujur dan ikhlas daripada tiga golongan itu akan meningkatkan pelajaran murid-murid untuk lebih maju lagi.

Kerjasama yang jujur dan ikhlas daripada tiga golongan itu, katanya, "Insya-Allah pelajaran dan pembelajaran murid-murid akan sentiasa meningkat maju dan masa depan mereka akan lebih cemerlang."

Sehubungan dengan itu beliau menggesa murid-murid supaya belajar dengan tekun dan rajin di samping membuat apa juga kerja yang diarahkan oleh guru dan jangan sekali-kali melinghalangkannya.

Berucap sejourus sebelum menyampaikan hadiah pelajaran terbaik bagi sekolah-sekolah rendah di Daerah Temburong bertempat di Sekolah Rendah Amo Khamis lepas beliau berkata, ibu bapa perlu memata-matai anak-anak dengan mengarahkan dan melaksanakan setiap kerja yang disuruh oleh guru.

Bagaimanapun, bagi ibu bapa yang tidak mempunyai

Oleh Ahat Hj. ...

pelajaran dalam rumah atau membimbing anak, beliau menggesa supaya sentiasa ada anak-anak melaksana setiap kerja yang diarahkan oleh guru.


Jika ada kerja rumah maka adalah tanggungjawab ibu bapa mengarahkan anak-meyelesaikan kerja tersebut.

Menurutnya dengan itu anak-anak akan mengamalkan tabiat belajar dan membina yang diarahkan oleh guru.

Sementara itu pihak guru mempunyai jibab mengambil inisiatif terhadap pembelajaran murid-murid dan memberikan kerja-kerja tulis seberapa banyak latihan-latihan mereka mewujudkan kemajuan mereka.

"Guru-guru janganlah memberikan latihan selepas melepaskan batuk di tangga. Apa yang dimaksudkan kerja latihan seberapa banyak yang boleh itu ialah murid-murid sentiasa berusaha untuk membuat kerja sekolah daripada membuat kerja yang tidak bermakna atau yang tidak terang-terangannya.

Sejumlah 24 orang telah menerima hadiah pelajaran terbaik bagi daerah



PENGIRAN Mohd. Zain, Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan di Kementerian Pelajaran menyampaikan hadiah kepada pemenang Peraduan Mencipta Logo Dayang Norjalainah binti Ayop. — Gambar oleh Harun Rashid.

PENGUMUMAN

DENGAN ini dimaklumkan bahawa Peperiksaan Kerani Kerani Rendah Kerajaan 1987 akan diadakan pada hari Ahad bersamaan dengan 13 September 1987. Tarikh tutup bagi menerima permohonan untuk menduduki peperiksaan tersebut

ialah pada 16 Mei. Calon-calon berkecuali ingin untuk menduduki peperiksaan tersebut hendaklah mengemukakan borang yang telah ditetapkan dan menghadap melalui pejabat masing-masing.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

PUSAT PERHENTIAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Limau Manis	22.4.1987	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Rendah Pengkalan Batu	22.4.1987	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Masin	22.4.1987	Rabu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Kupang	22.4.1987	Rabu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Rendah Pantai Berakas	23.4.1987	Khamis	9.00-10.00 pagi
Padang Kawat Berakas Garrison	23.4.1987	Khamis	10.05-11.05 "
Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut	23.4.1987	Khamis	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Jerudong	25.4.1987	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Pusat Tahanan Jerudong	25.4.1987	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Sengkurong	25.4.1987	Sabtu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Ugama Sengkurong	25.4.1987	Sabtu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Rendah OKSB Kilanas	25.4.1987	Sabtu	3.15- 4.15 "
Kawasan Rumah Persatuan Kampong Tanah Jambu	26.4.1987	Ahad	9.00-10.00 pagi
Kampung Perpindahan Serasa Di Hadapan Kedai Muara	26.4.1987	Ahad	10.15-11.15 "
Sekolah Rendah Lumapas	27.4.1987	Isnin	9.30-10.30 pagi
Sekolah Rendah Junjungun	27.4.1987	Isnin	9.00-10.00 "
Sekolah Rendah Panchor Murai	27.4.1987	Isnin	10.15-11.15 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Rendah)	27.4.1987	Isnin	2.00- 3.00 petang
Sekolah Ugama Kampong Perpindahan Berakas	27.4.1987	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Rendah OKBI Subok	28.4.1987	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Rendah Dato Mahawangsa Lambak	28.4.1987	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Rendah Serasa	29.4.1987	Rabu	9.45-10.15 pagi
Sekolah Rendah Mentiri	29.4.1987	Rabu	10.30-11.00 "
Sekolah Rendah Sultan Abd Bubin Sg Besar	29.4.1987	Rabu	11.15-11.45 "
Sekolah Rendah Batu Marang	29.4.1987	Rabu	2.30- 3.30 petang

Makluman orang ramai

ADALAH dengan ini dimaklumkan kepada orang ramai khususnya penduduk-penduduk di Kampung Pengiran Kerma Indera Lama, Mukim Tamoi, Negara Brunei Darussalam bahawa Pengiran Mahmud bin Pengiran Maidin tidak lagi memegang jawatannya sebagai Ketua Kampung Pengiran Kerma Indera Lama

mulai 9 April, 1987.

Oleh yang demikian setiap perkara yang biasanya dijalankan akan bersangkut paut dengan jawatan Ketua Kampung Pengiran Kerma Indera Lama hendaklah dirujuk kepada Penghulu Mukim Tamoi sehingga jawatan Ketua Kampung Pengiran Kerma Indera Lama diisikan semula.

Bermesra dengan sistem metrik...

PANDUAN MENUKAR KE SISTEM METRIK

BERDASARKAN kepada = 1 ela persegi = 0.8361 m²
1 m² = 1.1960 ela persegi

ela persegi	meter persegi (m ²)
1	0.84
2	1.67
3	2.51
4	3.34
5	4.18
6	5.02
7	5.85
8	6.69
9	7.52
10	8.36
20	16.72
30	25.08
40	33.44
50	41.81
100	83.61

meter persegi (m ²)	ela persegi
1	1.20
2	2.39
3	3.59
4	4.78
5	5.98
6	7.17
7	8.37
8	9.57
9	10.76
10	11.96
20	23.92
30	35.88
40	47.84
50	59.80
1000	119.60

Jika awda memerlukan sebarang maklumat lanjut mengenai Sistem Metrik bolehlah menghubungi Pejabat Sukatan dan Timbangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri atau telefon 44660.



MESYUARAT Pegawai-Pegawai Kanan Buruh ASEAN yang diadakan di Rumah Persinggahan Kerajaan di sini, antara lain membincangkan kertas cadangan Sekretariat ASEAN mengenai rangkaian hubungan Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN dengan badan-badan ASEAN yang berkaitan dan mesyuarat tidak rasmi Menteri-Menteri Buruh ASEAN yang akan diadakan di Geneva bulan Jun tahun ini.

Mesyuarat yang berakhir kelmarin dihadiri oleh 15 orang perwakilan ASEAN, dan dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Omar bin Haji Serudin. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

JANGAN GUNAKAN KUASA SEWENANG-WENANG

Oleh Aisah Piee

GADONG. — Anggota Polis diingatkan supaya tidak menggunakan kuasa yang diberikan kepada mereka sewenang-wenangnya tanpa menurut peraturan dan undang-undang.

Penolong Pesuruhjaya Kanan Polis, Dato Seri Laila Jasa Hj. Abd. Rahman mengingatkan supaya para anggota polis tidak dipengaruhi oleh perasaan yang boleh menyebabkan mereka membuat keputusan yang tidak menentu dalam menjalankan tugas-tugas sehari-hari.

Seorang polis yang unggul, menurutnya, ialah yang dedikated, rajin, tegas dan mendapat kepercayaan orang ramai kerana dedikasinya, kejujurannya serta tahu akan undang-undang dan peraturan-peraturan mengenai tugas sehari-hari.

"Adalah perlu saya ingatkan bahawa sebagai seorang polis walaupun diberi

berbagai kuasa dalam undang-undang untuk mengambil berbagai-bagai tindakan, pegawai-pegawai polis tidak boleh menggunakan kuasa sewenang-wenangnya, tetapi hendaklah bertindak mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang," tegasnya.

Berucap di Upacara Perbarisan Tamat Latihan bagi 57 orang rekrut lelaki yang berlangsung pada pagi Jumaat, 10 April lalu di Pusat Latihan Polis Diraja di sini, Dato Seri Laila Jasa Hj. Abd. Rahman menegaskan, termasuk dalam menjaga imej pasukan polis ialah mematuhi peraturan dan undang-undang negara, yang mana mereka juga tidak terkecuali dari kuasanya undang-undang.

Kepada rekrut tiga buah skuad pengambilan 86 yang menamatkan latihan hari itu, Dato Seri Laila Jasa Haji Abd. Rahman seterusnya mengingatkan mereka supaya terus mengekalkan, memelihara dan mematuhi disiplin, yang mana merupakan satu keperluan yang begitu penting dan menjadi tulang sesebuah pertubuhan.

"Disiplin bagi semua anggota adalah menjadi teras



PENOLONG Pesuruhjaya Kanan Polis, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abd. Rahman menyampaikan sijil kepada rekrut terbaik semua jurusan, Awang Mohd. Ali bin Ibrahim.

keutuhan pasukan ini. Jadi adalah diharapkan setelah kamu tamat latihan ini mutu disiplin hendaklah terus dikekalkan," tegasnya lagi.

Upacara pagi itu bermula dengan pemeriksaan perbarisan oleh Penolong Pesuruhjaya Kanan Polis, Dato Seri Laila Jasa Haji Abd. Rahman bin Haji Awang Besar, yang juga telah menyampaikan hadiah kepada rekrut-rekrut terbaik.

Pelatih terbaik dalam

semua jurusan ialah Rekrut 2369 Mohd. Ali bin Ibrahim dari Skuad 1/86, pelatih terbaik dalam undang-undang ialah Rek. 2359 Zainal Abidin Haji Ibrahim dari Skuad 1/86 dan Rek. 2399 Haji Dula bin Apang dari Skuad 3/86.

Sementara itu, Rek 2378 Cuntik anak Manau dari Skuad 2/86 dan Rek. 2400 Jamil anak Ja dari Skuad 3/86 terpilih sebagai pelatih terbaik dalam jurusan kawat dan latihan luar.



DATO Seri Laila Jasa Awang Haji Abd. Rahman, Penolong Pesuruhjaya Kanan Polis ketika bersalam-salaman dengan para rekrut yang menamatkan latihan pada hari tersebut.

Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang lebih rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah ini bermula pada 15 April, 1987.

BANDAR SERI BEGAWAN

- 1) Kacang Tanah 1 kilogram \$2.00/1 kati \$1.20.
 - a) Kedai Kim Seng Choon No. 6, Jalan McArthur.
 - b) Kedai Eng Leong, No. 8, Jalan McArthur.
- 2) Kacang Hijau 1 kilogram \$1.30/1 kati 80 sen.
 - a) Chop Chin Seng No. 107 Jalan Pemanca.
- 3) Mee Kuning (Falcoon & Moon) sebungkus 40 sen.
 - a) Kedai Eng Leong, No. 8, Jalan McArthur.
 - b) Chop Hock Huat 62 Jalan McArthur.

- b) Kedai Hudson Company No. 9, Jalan Sultan Omar Ali.
- 3) Mee Kuning (Falcoon & Moon) sebungkus 40 sen.
 - a) Kedai Hudson Company No. 9, Jalan Sultan Omar Ali.
 - b) Kedai Yick Fatt Lot 2660, Jalan Sultan Omar Ali.

KUALA BELAIT

- 1) Kacang Tanah 1 kilogram \$2.30/1 kati \$1.40.
 - a) Kedai Yick Guan No. 3, Jalan Pretty.
 - b) Kedai Chop Yee Seng No. 46, Jalan Pretty.
- 2) Kacang Hijau 1 kilogram \$1.65/1 kati \$1.00.
 - a) Kedai Teo Hiang Hng No. 45, Jalan Pretty.
 - b) Kedai Syarikat M. Haji Chinese Chamber of Commerce.
- 3) Mee Kuning (Falcoon & Moon) sebungkus 40 sen.
 - a) Kedai Teo Hiang Hng No. 45 Jalan Pretty.
 - b) Kedai Chop Yee Seng No. 46 Jalan Pretty.

SERIA

- 1) Kacang Tanah 1 kilogram \$2.00/1 kati \$1.20.
 - a) Kedai Yick Fatt Lot 2660, Jalan Sultan Omar Ali.
- 2) Kacang Hijau 1 kilogram \$1.65/1 kati \$1.00.
 - a) Kedai Poh Shing No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.

rtb Intisari minggu ini

Sandiwaras Radio:

"HATI-HATI YANG RETAK"

PENULIS Rohaidah Kinchail dengan hasil karyanya yang berjudul "HATI-HATI YANG RETAK" telah dipilih untuk mengisi ruang sandiwaras radio minggu ini.

Marsita yang secara tidak sengaja menyintai suami orang, ingin hendak membela nasibnya sendiri tanpa mengganggu ketenteraman orang lain. Ketika mula-mula berkenalan dengan Roslan, ia sama sekali tidak menyangka yang Roslan sudah beristeri. Hanya setelah ia diberitahu oleh jirannya saja ia mengetahui akan hal sebenarnya.

Perkara itu lebih rumit lagi bila isteri Roslan sendiri datang menemui Marsita dan memberitahu yang dia sudah tidak punya saudara-mara lagi tempat bergantung kasih selain dari suaminya. Marsita tiba-tiba menaruh rasa simpati kepadanya.

Ibu Marsita pula memang dari awal lagi menentang perhubungannya dengan Roslan. Ia menja di lebih marah lagi bila ia mengetahui Marsita bakal melahirkan anak di luar nikah.

Walaupun menghadapi kerumitan, Marsita tetap berazam untuk melahirkan anaknya dan berharap akan mengasuh dan membesarkannya. Dengan bantuan dan keizinan Norlela, teman sebilikannya, akhirnya anaknya selamat juga dilahirkan. Tetapi Norlela tiba-tiba begitu sedih bila melihat keadaan Marsita.

Apakah yang menyebabkan Norlela bersedih? Tunggulah jawapannya nanti melalui siaran sandiwaras ini yang akan disiarkan pada 24 April, 1987, jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Saloma Haji Mahmud.



Radio Minggu Ini: RAMPAI SARI

PENGLIBATAN kaum wanita dalam media radio di negara ini adalah amat penting sekali. Mungkin boleh dikatakan tanpa adanya peranan mereka di bidang penyiaran tersebut, Radio Brunei tidak akan bersifat lengkap dan sempurna. Ini adalah disebabkan para pendengar radio di negara ini juga kebanyakannya terdiri daripada kalangan wanita sendiri.

Citarasa pendengar wanita tentulah berbeza dengan kaum lelaki. Kerana ketidakseragaman ini pula Perkhidmatan Radio Brunei menyediakan beberapa rancangan khas bagi para pendengar wanita di negara ini. Rancangan khusus untuk kaum wanita tersebut dikenali sebagai 'RAMPAI SARI'.

RAMPAI SARI, yang disiarkan secara 'live' pada setiap hari Sabtu antara jam 10.30 hingga 11.30 pagi itu, merupakan kerjasama di antara Perkhidmatan Radio Brunei Bahagian Melayu di Bandar Seri Begawan dengan stesen radio Kuala Belait.

Rancangan khas untuk kaum wanita yang diterbitkan seminggu sekali ini, tentulah mempunyai kepentingan dan faedah yang amat besar kepada kaum wanita di negara ini. Selama sejam pendengar wanita dihidangkan dengan berbagai-bagai bahan informasi berbentuk pengajaran, berita-berita wanita di sana sini dan sebagainya.

Radio Brunei sebagai media penyiaran yang tunggal di negara ini sememangnya sudah agak lama berkomunikasi dengan kaum wanita khu-

susnya dan para pendengar umumnya. Menerusi 'RAMPAI SARI' yang dikendalikan oleh Perkhidmatan Radio Brunei, kaum wanita di negara ini memanglah sentiasa diberikan peluang seluas-luasnya, untuk menyertai

rancangan berkenaan. Malahan, RAMPAI SARI dapatlah dianggap sebagai 'Majalah Wanita di Radio,' yang memberikan peluang kepada pendengar wanitanya untuk menyumbangkan pendapat, idea, maklumat-mak-

SUDUT PELITA

LIDAH Pengarang Pelita Brunei kini bukan sahaja dapat diikuti dalam siaran radio bahkan juga dalam siaran televisyen melalui rancangan SUDUT PELITA.

Tujuannya ialah untuk menyebarluaskan lagi 'message' yang terkandung dalam lidah pengarang Pelita Brunei bagi tetapan orang ramai.

Rancangan SUDUT PELITA ini disiarkan pada setiap hari Rabu selepas Berita Melayu.

Gambar kanan ketika rakaman SUDUT PELITA sedang dibuat di Studio 3 RTB.



Tetamu Radio

HARI Ahad 26 April, 1987, jam 4.30 petang awda akan berpeluang mengikuti temubual Hassan Suhaili bersama penyanyi FRANCESCA dari Malaysia.

berkesempatan mengikuti perbualan Jamilah Abdullah bersama S. JIBENG minggu lalu, jangan lupa ulangnya akan keudara hari Rabu 22 April, 1987 jam 2.00 petang. Rancangan diterbitkan oleh Musa Haji Mohd. Salleh.

Bagi awda yang tidak

Mari Memasak: LAPIS TAUHU

BAHAN-BAHANNYA :—
3 biji tahu putih, yang besar
150 gm daging kisar
1 biji lobak merah
2 biji telur
1 sudu teh ketumbar
3 biji bawang merah
1 ulas bawang putih
1 biji buah keras
garam secukupnya.

UNTUK MENGGORENG :—
3 sudu makan tepung gandum
1/2 butir telur
1/3 gelas air
garam secukupnya
minyak untuk menggoreng.
CARA MEMBUATNYA :—
1. Hancurkan tahu sampai

halus. Masukkan garam, serbuk perasa dan sebiji telur. Gaul sampai rata.

2. Potong lobak merah segi kecil dan gaulkan bersama daging kisar, sebiji telur dan rempah-rempah yang sudah digiling halus.

3. Taruh tahu dan daging kisar berlapis-lapis dalam loyang yang telah disapu dengan minyak atau margarine. Ratakan dan padatkan separuh dari tahu pada dasar loyang, taruh campuran daging dan lobak merah di atasnya, tutup dengan tahu lagi.

4. Kukus lapis tahu sampai dagingnya masak selama 30 minit. Sejukkan terlebih dahulu sebelum tahu dipotong-potong.

5. Untuk menggoreng, campurkan tepung, garam dan telur. Beri air sedikit demi sedikit sampai adunan cukup kental.

6. Celupkan potongan tahu ke dalam adunan dan goreng sampai kuning.

Rencana Tempatan

SESUAI dengan peranannya sebagai gedung khazanah purba negara Muzium Brunei, telah meluaskan lagi skop peranannya dengan membuat beberapa penyelidikan luar untuk mempelajari lebih dekat lagi kehidupan liar di dalam alam sekitarnya yang asli seperti hutan rimba, belukar, bukit-bukau, hutan-hutan, paya dan sebagainya. Sungai Ayam-Ayam umpamanya, adalah antara tempat yang menjadi bahan penyelidikan dan kajian oleh Bahagian Ilmu Kejadian, Jabatan Muzium-Muzium Brunei. Semua hasil kajian yang telah diperolehi akan diambil data-datanya dan sebahagian besar daripadanya akan dibawa balik untuk bahan penyelidikan selanjutnya. Setakat ini Bahagian Ilmu Kejadian telah berjaya mengungkapkannya beberapa penyelidikan bersama dengan badan-badan antarabangsa seperti Ekspedisi Harewood / Muzium Brunei di Ulu Temburong, dalam tahun 1978. Penyelidikan Bioacoustics of Tropical rain birds in Brunei dalam tahun 1980 dan lain-lain lagi.

